



LINDUNGI DIRI ANDA DARIPADA PENIPUAN PHISHING

Scammer mungkin menyamar sebagai TNB melalui e-mel, mesej atau laman web palsu untuk mencuri butiran peribadi seperti nombor kad pengenalan, butiran akaun bank, kad kredit atau akaun elektrik anda.



Kenal Pasti Tanda-Tanda Amaran Ini!



Perhatikan alamat e-mel atau logo yang mencurigakan, kesalahan ejaan dan penggunaan bahasa yang tidak profesional yang menyamar sebagai TNB.



Elak membuka sebarang pautan atau lampiran dalam e-mel atau mesej mencurigakan kerana ia mungkin mengandungi virus atau *malware* berbahaya yang boleh mencuri maklumat peribadi daripada peranti anda.



Lindungi Diri Anda Dengan Langkah Ini!



ABAIKAN e-mel atau mesej mencurigakan yang mengandungi pautan atau lampiran yang mungkin berbahaya kepada peranti anda.



JANGAN KONGSI maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, butiran akaun bank, kad kredit atau akaun elektrik anda melalui laman web atau platform dalam talian yang tidak dipercayai.



HUBUNGI TNB CareLine bagi mendapatkan kesahihan mesej atau promosi berkaitan dengan TNB yang diterima melalui e-mel, mesej atau laman web yang tidak dikenali.

 1-300-88-5454

 TNB CareLine

 @Tenaga_Nasional

Untuk maklumat lanjut mengenai taktik penipuan berkaitan TNB dan tip pencegahan, sila layari www.tnb.com.my/scam-alert | [#JanganKenaScam](https://twitter.com/Tenaga_Nasional) [#ChupCheckProtect](https://twitter.com/Tenaga_Nasional)